



Rujukan Kami : BE/G/1/2022 ( 1 )  
Our Reference

29 Jamadilawal 1443  
03 Januari 2022

**SURAT PEMBERITAHUAN  
JABATAN PEPERIKSAAN, KEMENTERIAN PENDIDIKAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**BILANGAN : 1 / 2022**

**PEPERIKSAAN BRUNEI-CAMBRIDGE G.C.E PERINGKAT 'O', 'AS', 'A' DAN IGCSE  
MEI/JUN 2022**

Dengan hormatnya sukacita memaklumkan bahawa Jabatan Peperiksaan, Kementerian Pendidikan sedang membuat persediaan bagi pendaftaran Peperiksaan Brunei-Cambridge G.C.E Peringkat 'O' / 'AS' / 'A' dan IGCSE Mei/Jun 2022 yang akan bermula pada **06 Januari 2022 (Khamis)** hingga **14 Februari 2022 (Isnin)**. Senarai mata pelajaran yang akan ditawarkan adalah seperti dalam lampiran yang disertakan.

**1. Syarat-syarat Pendaftaran Peperiksaan**

**1.1 Peperiksaan G.C.E Peringkat 'A'**

**a. Calon Sekolah**

- i. Penuntut-penuntut yang telah menduduki peperiksaan yang sama dalam bulan November 2021 dan gagal mendapatkan keputusan yang memuaskan dibolehkan untuk mendaftar dalam peperiksaan ini.
- ii. Penuntut-penuntut Menengah 6 Atas pada tahun 2022 yang akan menduduki peperiksaan yang sama pada bulan Oktober/November 2022 boleh dipertimbangkan dengan syarat mereka hendaklah **disokong oleh Pengetua Maktab/Sekolah masing-masing**.
- iii. Setiap penuntut yang akan mendaftar peperiksaan ini dibenarkan mengambil sekurang-kurangnya satu mata pelajaran peringkat 'A'.

**b. Calon Persendirian**

- i. Calon-calon persendirian yang hendak menduduki peperiksaan peringkat 'A' mestilah lulus dengan kredit dalam sekurang-kurangnya tiga mata pelajaran dalam peperiksaan peringkat 'O' & IGCSE. Bagi calon persendirian yang baru pertama kali akan mendaftar peperiksaan, kelulusan ini mestilah dicapai sekurang-kurangnya dua tahun sebelum peperiksaan yang hendak didaftarkan.

2/...

- ii. Calon-calun mestilah menyertakan salinan-salinan dokumen seperti surat berhenti sekolah, slip keputusan peperiksaan atau sijil peperiksaan peringkat 'O' / IGCSE dan salinan kad pengenalan.
- iii. Setiap calon yang akan mendaftar peperiksaan ini dibenarkan mengambil sekurang-kurangnya satu mata pelajaran peringkat 'A'.

### 1.2 Peperiksaan G.C.E Peringkat 'AS'

#### a. Calon Sekolah

- i. Semua penuntut Menengah 6 Atas pada tahun 2022 adalah digalakkan untuk menduduki peperiksaan Peringkat 'AS' bagi bulan Mei/Jun mengikut subjek yang dibenarkan oleh pihak maktab/sekolah. Semua bayaran pendaftaran akan ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan. Walau bagaimanapun jika pembiayaan tersebut telah pun digunakan oleh calon berkenaan pada sesi peperiksaan Oktober/November 2021, maka semua pembayaran hendaklah ditanggung sendiri oleh calon berkenaan. Setiap calon hanya dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan bagi satu musim peperiksaan sahaja. (Rujukan KPE/M7/42/2009 bertarikh 20 Safar 1430 / 16 Februari 2009).

#### b. Calon Persendirian

- i. Calon-calun persendirian yang hendak menduduki peperiksaan peringkat 'AS' mestilah lulus dengan kredit dalam sekurang-kurangnya tiga mata pelajaran dalam peperiksaan peringkat 'O dan IGCSE'. Bagi calon persendirian yang baru pertama kali akan mendaftar, kelulusan ini mestilah dicapai sekurang-kurangnya satu tahun sebelum peperiksaan yang hendak didaftarkan.
- ii. Calon-calun mestilah menyertakan salinan dokumen seperti surat berhenti sekolah, slip keputusan peperiksaan atau sijil peperiksaan peringkat 'O' / IGCSE dan salinan kad pengenalan.
- iii. Setiap calon yang akan mendaftar peperiksaan ini dibenarkan mengambil sekurang-kurangnya satu mata pelajaran peringkat 'AS'.

### 1.3 Peperiksaan G.C.E Peringkat 'O'/IGCSE

#### a. Calon Sekolah

- i. Penuntut-penuntut Tahun 10 (Program Pendidikan Menengah 'General' 4 Tahun) atau Tahun 11 (Program Pendidikan Menengah 'General/Applied' 5 Tahun) pada tahun 2022 yang akan menduduki peperiksaan yang sama dalam bulan Oktober/November 2022 boleh dipertimbangkan untuk didaftarkan bagi peperiksaan peringkat 'O'/IGCSE dengan syarat mereka hendaklah **disokong oleh Pengetua Maktab/Sekolah masing-masing**.
- ii. Setiap calon yang akan mendaftar peperiksaan ini dibenarkan untuk mengambil sekurang-kurangnya satu mata pelajaran peringkat 'O'/IGCSE.



**b. Calon Persendirian**

- i. Calon-calun persendirian yang hendak menduduki peperiksaan peringkat 'O'/IGCSE mestilah lulus **BTEC Level 1 atau Level 2, Penilaian Menengah Bawah (PMB) atau Brunei Junior Certificate of Education (BJCE)**.
- ii. Salinan dokumen seperti surat berhenti sekolah, slip keputusan peperiksaan atau sijil peperiksaan dan salinan kad pengenalan hendaklah disertakan.
- iii. Setiap calon yang akan mendaftar peperiksaan ini dibenarkan mengambil sekurang-kurangnya satu mata pelajaran peringkat 'O'/IGCSE.
- iv. Calon-calun yang tidak mempunyai kelulusan seperti yang tercatat dalam bahagian i, akan dipertimbangkan dengan syarat:
  - a. Telah mengikuti kelas Program Peningkatan Akademik di Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat sekurang-kurangnya 2 tahun sebelum menduduki peperiksaan.
  - b. Mendapat sokongan dan borang hendaklah disahkan oleh pihak Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat.

**2. Borang Pendaftaran**

**a. Calon Sekolah**

Pihak Maktab/Sekolah adalah dipertanggungjawabkan untuk melengkapkan borang pendaftaran peperiksaan dan seterusnya membuat pendaftaran secara 'online'.

**b. Calon Persendirian**

Borang-borang pendaftaran dan keterangan lanjut yang berkaitan dengan pendaftaran bolehlah diperolehi dari Jabatan Peperiksaan, Kementerian Pendidikan pada waktu pejabat dibuka.

**3. Bayaran Pendaftaran Peperiksaan**

**a. Calon Sekolah**

- i. Bayaran pendaftaran peperiksaan adalah ditanggung sepenuhnya oleh penuntut-penuntut itu sendiri.
- ii. Penuntut-penuntut Tahun 10 / Tahun 11 yang memegang kad pintar hijau dan semua penuntut Sekolah Swasta adalah dikenakan bayaran peperiksaan dan wang pendaftaran tidak akan dibayar balik.
- iii. Penuntut-penuntut Menengah 6 Bawah dan Menengah 6 Atas yang memegang kad pintar merah dan hijau adalah dikenakan bayaran peperiksaan dan wang tidak akan dibayar balik.

- iv. *Penuntut-Penuntut Menengah 6 Bawah yang telah menggunakan pembiayaan pendaftaran yang ditanggung oleh Kerajaan pada sesi Oktober/November 2021, pembayaran bagi peperiksaan sesi Mei/Jun 2022 hendaklah ditanggung oleh calon berkenaan.*
- v. *Pihak Maktab/Sekolah hendaklah bersedia menyediakan pusat peperiksaan, pengawasan dan peralatan bila dikehendaki.*
- vi. *Pihak Maktab/Sekolah adalah dipertanggungjawabkan untuk mengutip bayaran peperiksaan bagi calon-calon yang berkenaan. Pihak Maktab/Sekolah bolehlah:*
  - v.1 *menggunakan cek atau membayar secara tunai. Pembayaran menggunakan cek hendaklah dibayar kepada Kerajaan Brunei Darussalam atau 'Government of Brunei'.*
  - v.2 *dibayar secara 'online' bagi calon-calon sekolah kerajaan sahaja. Rujukan memorandum daripada Jurukira Agong Jabatan Perbendaharaan bilangan JP KK/R/272/MOE bertarikh 31 Julai 2019.*
  - v.3 ***Pembayaran bagi penuntut-penuntut mengulang hendaklah dijelaskan secara tunai / 'online' (bagi calon-calon sekolah kerajaan sahaja).***

b. **Calon Persendirian**

*Jabatan Peperiksaan hanya akan menerima bayaran pendaftaran peperiksaan dengan wang tunai.*

4. **Pembatalan Pendaftaran Peperiksaan**

- i. *Calon-calon peperiksaan yang membatalkan pendaftaran mereka dalam jangka masa **dua minggu** selepas pendaftaran berakhir hanya akan dibayar balik keseluruhan bayaran pendaftaran.*
- ii. *Calon-calon peperiksaan yang membatalkan pendaftaran mereka disebabkan melanjutkan pelajaran atas biasiswa Kerajaan akan dibayar balik keseluruhan bayaran pendaftaran.*
- iii. *Calon-calon peperiksaan yang membatalkan pendaftaran mereka disebabkan masalah kesihatan akan dibayar balik keseluruhan bayaran pendaftaran dengan menyertakan dokumen rasmi dari pihak hospital.*

Jabatan Peperiksaan hanya akan menerima borang pendaftaran yang telah dilengkapkan pada setiap hari **Isnin** hingga **Khamis** di sebelah pagi dari jam **8.00 pagi** hingga **11.00 pagi** dan di sebelah petang mulai jam **1.30 petang** hingga **3.00 petang** dan hari **Sabtu** dari jam **8.00 pagi** hingga **10.00 pagi**.

Borang-borang pendaftaran peperiksaan yang telah dilengkapkan berserta dengan dokumen yang dikehendaki hendaklah dikembalikan ke Jabatan Peperiksaan tidak lewat daripada **14 Februari 2022 (Isnin)**.

Borang-borang pendaftaran yang tidak lengkap / tidak disertakan dengan dokumen yang dikehendaki tidak akan dilayan.

*'Rakyat Bersepadu Menjaga Kesihatan Bersama'*

Dengan hormat,



[ **DAYANG HAJAH SURIANI BINTI HAJI NOOR HASHIM** ]  
Pemangku Pengarah Peperiksaan

**Salinan:**

YM Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras)  
YM Setiausaha Tetap (Pendidikan Tinggi)  
YM Timbalan Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras)  
YM Timbalan Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi)  
YM Ketua Pengarah Pendidikan  
YM Pengarah Sekolah-Sekolah  
YM Pengarah Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan  
YM Pengarah Perancangan, Perkembangan dan Penyelidikan  
YM Pengarah Perancangan dan Pengurusan Estet  
YM Pengarah Perkembangan Kurikulum  
YM Pengarah/Ketua Pegawai Eksekutif Institut Pendidikan Teknikal Brunei  
YM Pengarah Kenaziran Sekolah-Sekolah  
YM Pengarah Pendidikan Kokurikulum  
YM Pengarah Teknologi Maklumat dan Komunikasi  
YM Pengarah Pengurusan Pendidik  
YM Pengarah Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama  
YM Pendaftar dan Setiausaha Universiti Brunei Darussalam  
YM Pendaftar Universiti Teknologi Brunei  
YM Pendaftar Universiti Islam Sultan Sharif Ali  
YM Dekan Institut Pendidikan Sultan Hassanah Bolkiah  
YM Ketua Jabatan Pendidikan Khas  
YM Ketua Bahagian Perhubungan Antarabangsa  
YM Ketua Bahagian Komunikasi Korporat  
YM Setiausaha Majlis Kebangsaan Pengiktirafan Kelulusan  
YM Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan / Ketua Jabatan Pengurusan Biasiswa  
YM Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan / Ketua Jabatan Pendidikan Swasta  
YM Pengarah Seameo Voctech Regional Centre  
YM Ketua Pusat Kerjasama Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (STEP)  
YM BDTVEC (Secretariat of Brunei Darussalam Technical & Vocational Education Council)

Disertakan.....